



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000

Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207

Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.5(16)
Tarikh : 24 Februari 2026
Bersamaan : 6 Ramadan 1447H

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL. 16/2026 (K) : PELUPUSAN REKOD KEWANGAN DAN PERAKAUNAN

Dengan hormatnya surat daripada Ketua Setiausaha Perbendaharaan berkaitan Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi Arahan Perbendaharaan (AP) 150 dan AP 299 rujukan surat : MOF.BKSK 600-1/7/1 JLD.3(24) bertarikh 28 November 2025 dan surat daripada Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka rujukan surat : ARKIBMLK.600-2/1/1(14) bertarikh 2 Februari 2026 adalah dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan, Pindaan AP 150 dan AP 299 ini boleh dirujuk di laman sesawang <https://www.mof.gov.my/portal/pdf/arahan-perbendaharaan/Surat-Edaran-Pindaan-AP150-AP299.pdf> seperti di Lampiran 1 – Cadangan Pindaan Arahan Perbendaharaan (AP) 150 dan AP 299.
3. Buletin yang dikeluarkan oleh JANM Melaka iaitu Arahan Kerja Bil. 7/2024 (K): Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan rujukan surat : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.2(7) bertarikh 08 Februari 2024 dan Arahan Kerja Bil. 24/2024 (K) rujukan surat: ANM(UKPP)MEL/12 Jld.2(24) bertarikh 12 Jun 2024 adalah **terbatal**.
4. Surat Pemakluman Pemakaian Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia rujukan surat : Arkib.100-1/7/1 Jld 12(39) bertarikh 19 Februari 2024 telah mengeluarkan arahan penggunaan buku Jadual Pelupusan Rekod (JPR) Kewangan dan Perakaunan 2023 **SERTA MERTA**. Buku Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan edisi 2008 adalah terbatal. Oleh itu, semua PTJ digalakkan membuat pembelian buku (JPR) ini yang berharga RM20.00 secara terus daripada Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka.

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.5(16)

5. Berdasarkan Program Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan yang telah dilaksanakan ke atas PTJ pada tahun 2025 mendapati sebahagian besar PTJ masih belum mengambil tindakan pelupusan ke atas dokumen yang telah mencapai tempoh minimum penyimpanan. Ini sekaligus menyebabkan pihak PTJ tidak mematuhi AP 150 yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

6. Sehubungan itu, semua PTJ diingatkan supaya mengambil tindakan segera untuk menyemak dan mengambil tindakan ke atas dokumen yang telah mencapai tempoh minimum penyimpanan dengan mematuhi AP 150 (Pindaan 2023) yang berkuatkuasa agar pengurusan dan permohonan pelupusan dapat berjalan dengan lancar.

7. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan perlu memastikan permohonan Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan bagi **Kumpulan 1 sahaja dikemukakan kepada jabatan** seperti jadual di bawah;

Kumpulan Dokumen	Jabatan Audit Negara Negeri Melaka (No.1)	Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka (No.2)	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Melaka (No.3)	Arkib Negara Malaysia Negeri Melaka (No.4)
Kumpulan 1	√	√	√	√
Kumpulan 2	√	X	X	√

8. Bersama - sama ini disertakan dokumen untuk rujukan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan seperti berikut :

- i. Surat Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi AP 150 dan AP 299 Dalam Aspek Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan nombor rujukan: ARKIBMLK.600-2/1/1(14) bertarikh 02 Februari 2026;
- ii. Surat Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) bagi Arahan Perbendaharaan (AP)150 dan AP 299 nombor rujukan: MOF.BKSK 600-1/1 Jld.3 (24) bertarikh 28 November 2025;
- iii. Surat Pemakluman Pemakaian Jadual Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakaunan 2023 oleh Arkib Negara Malaysia bertarikh 19 Februari 2024;
- iv. Buku Jadual Pelupusan Rekod Kewangan dan Perakaunan 2023 (salinan digital);


Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.5(16)

- v. Panduan Permohonan Pelupusan Rekod Kewangan Dan Perakuaan Bagi Kumpulan 1;
 - vi. Lampiran M – [Arahan Perbendaharaan 150(a)(i)/150(b)] (Tempoh Minimum Bagi Menyimpan Rekod Kewangan Dan Perakaunan); dan
 - vii. Contoh pengisian Borang 4 (Kewangan-Arkib 4/08) bagi Pemusnahan Rekod Kewangan Dan Perakaunan Kumpulan 1.
9. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai di Unit Naziran seperti berikut :
- 9.1 Norfaizan binti Mohd Noor-06-2895037/norfaizan.mohdnoor@anm.gov.my
 - 9.2 Zaimarzini binti Mohd Ali - 06-2895043/ zaimarzini@anm.gov.my
10. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan untuk mematuhi arahan ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”
“BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT”
“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan”

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A.(M))
Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka